PENDAKWA RAYA

lwn.

BEDAH BT. ABDULLAH

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
TUAN K. N. SEGARA PK
[PERBICARAAN JENAYAH NO. 45-3-94]
8 DISEMBER 1994

***DADAH BERBAHAYA**: Tuduhan mengedar cannabis - Seksyen 39B((1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Dadah diikat pada bahagian perut - Samada dadah dalam pemilikan tertuduh - Samada dadah telah di "conceal" dan di "carry" - Tafsiran "pengedaran dadah" dalam s. 2 Akta - Samada dipenuhi - Reaksi dan kelakuan tertuduh - Samada boleh menunjukkan pengetahuan tentang dadah yang dibawa - Ujian kimia - Samada cacat.*

Tertuduh dituduh di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar 790 gram cannabis. Semasa ditangkap pihak polis telah menjumpai dari badan tertuduh lima bungkusan plastik ganja yang diletakkan di bahagian perutnya. Kesemua bungkusan ini berbalut dengan bengkung dan beralas dengan seluar dalam tertuduh. Ahli kimia menganalisa secara rambang sebanyak 116.8 gram dadah tersebut tetapi mengesahkan bahawa berat bersih dadah kesemuanya ialah 790 gm.

Dalam pembelaannya tertuduh tidak menafikan bahawa dadah tersebut berada pada badannya ketika beliau ditangkap tetapi menafikan bahawa beliau mengetahui bahawa yang dibawanya itu adalah ganja. Menurut tertuduh beliau telah diminta oleh seorang Boon untuk membawa barang-barang tersebut dan beliau menyangka barang-barang itu adalah akar kayu atau ubat. Tertuduh juga menyatakan bahawa analisa yang dibuat oleh ahli kimia adalah cacat dan keterangan berkenaannya tidak harus diterima oleh Mahkamah.

Diputuskan:
Tindakan tertuduh membawa eksibit-eksibit berkenaan secara menyembunyikan pada badannya bukanlah satu tindakan seorang yang munasabah atau seorang yang tidak merasa bersalah. Tindakannya itu menguatkan anggapan bahawa beliau semestinya mengetahui bahawa barang itu adalah ganja. Tindakannya itu juga ternyata sekali perbuatan-perbuatan "menyorok" (concealing) dan "membawa" (carrying) dadah berbahaya yang bermaksud "pengedaran dadah" mengikut tafsiran di bawah s. 2 Akta. Ini bermakna bahawa pihak pendakwa tidak perlu bergantung semata-matanya kepada kewujudan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) Akta untuk membuktikan tertuduh terlibat dengan pengedaran dadah. Dengan itu analisa secara rambang pada hanya 116.8 gram dadah tersebut oleh ahli kimia tidak boleh menjadi alasan untuk mematahkan kes pendakwa.

[Tertuduh bersalah, disabit dan dihukum mati]

Kes yang dirujuk:
Leong Bon Huat v. PR [1993] 2 AMR 37 p. 2132 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Akta Dadah Berbahaya 1952, 2, 37(da)(vi), 39A, 39B(1)(a), 39B(2)

Bagi pihak pendakwa - Azmi bin Ariffin. TPP
Bagi pihak tertuduh - Sofiah bt. Ariffin; T/n. Jayadeva & Kamal

PENGHAKIMAN

K.N. Segara PK:

Tertuduh telah di hadapkan ke Mahkamah dengan suatu pertuduhan mengedar 790 gm. cannabis pada 3 September 1993 jam lebih kurang 12.30 tengah hari dan dengan itu melakukan satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (sila lihat exhibit P2, pertuduhan pindaan).

Kes pendakwaan tidaklah rumit dan begitu mudah sahaja. Atas maklumat yang telah diterima, satu pasukan polis telah bertindak untuk menahan sebuah teksi No.JBP 9012 di mana tertuduh dan 4 orang lain (termasuk pemandu) ada di dalamnya. Teksi ini datang dari arah sempadan Bukit Kayu Hitam menuju ke Jitra di Lebuhraya Bukit kayu Hitam - Jitra. Kemudian tertuduh dan 4 orang lain tersebut dibawa ke Pondok Polis Laka Temin, Bukit Kayu Hitam untuk diadakan pemeriksaan lanjut. Hasil daripada pemeriksaan badan yang telah dibuat terhadap tertuduh oleh saksi Zakiah bt. Mohd. Misbah (SP5) dijumpai lima bungkusan plastik (exhibit P8 - P12) yang diletakkan dari sisi ke sisi bahagian perut tertuduh dalam keadaan berbalut dengan bengkung (exhibit P14) dan beralas dengan seluar dalamnya (exhibit P13). 5 bungkusan plastik (exhibit-exhibit P8 - P12) yang berisi dengan daun-daun kering tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa dan saksi ahli kimia Sim Hock Lai (SP1) telah mengesahkan kandungan exhibit-exhibit P8 - P12 adalah cannabis seperti yang ditafsirkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952. Berat bersih kandungan 5 bungkusan plastik tersebut adalah 790 gm.

Pihak pendakwa telah memanggil 10 orang saksi untuk membuktikan kesnya terhadap tertuduh dan setelah menutup kesnya telah menawarkan 11 orang saksi kepada pihak pembelaan.

Saksi penting bagi kes pendakwa ialah SP1, ahli kimia Sim Hock Lai dan SP5, Zakiah bt. Mohd. Misbah yang telah menjalankan pemeriksaan atas badan tertuduh dan telah menjumpai exhibit-exhibit P8 - P12 yang terletak pada badannya.

SP1 telah memberi keterangan dengan dengan panjang lebar mengenai analisa yang beliau telah buat ke atas barang-barang kes yang telah dikemukakan oleh pihak polis kepadanya, khususnya exhibit-exhibit P8 - P12, iaitu, 5 bungkusan plastik yang disyaki mengandungi ganja.

Keterangan beliau yang releven adalah seperti berikut:

> Each of the plastic packets contained plant material which on analysis I found to be cannabis as defined in s. 2 of the Dangerous Drugs Act 1952. The total net weight of the plant material in the 5 plastic packets was 790 grammes - net (i.e. excluding the plastic packets).
>
> ...
>
> ....
>
> I carried out various tests on the contents of the plastic packet marked A1 (exhibit P8).
>
> Firstly, I made a gross visual examination of the plant material after emptying them from the plastic bag. Before emptying the packet I took the gross weight of the packet. It was 143.2 grammes. After emptying the plant material I took the weight of the plastic packet. It was 2.6 grammes thereby giving me a net weight of the plant material as 140.6 grammes. When I made a gross visual examination of the plant material I found them to be the same nature with respect to colour and odour in respect of the whole lot. I then subjected this plant material to 100% microscopic examination and found the presence of cystolithic hairs.
>
> The other characteristic I found under the microscope was the abundance of resin. It is droplet and globular. The resins were already attached to the plant material.

I proceeded to do my next examination, that is, I took random samples from the bulk of the plant material (i.e. from exhibit P8).

I subjected the random samples to the same microscopic examination and I got the same results. After which I carried out the next 2 tests on the random samples. The first test is called duquenois levine test. During this test I made an extract of the plant material with a solvent. I am now removing the resin.

The extract was separated into two. The first half of the extract was dried and treated with the duquenois re-agent. If the plant material is cannabis material, a sequence of colour changes would be observed i.e. from virtually colourless to pale green, blue and finally violet. And violet colour would be extracted into a solvent called chloroform.

In this particular case the sequence of colour changes was observed with final extraction of the violet colour into chloroform. A positive reaction like this is strongly suggestive of the presence of cannabinoids and since cannabinoids are a group of compounds found only in plants of the genus cannabis, it is strongly indicative that the plant material I had examined is cannabis.

I then proceeded to do my last test i.e. the thin layer chromatography (i.e. TLC). This test is the final confirmation of the presence of cannabinoids. In this particular case, I found them to contain cannabinoids using TLC.

From all these tests and because the random samples I took are representative of the whole bulk material I came to the conclusion that the plant material was cannabis as defined in s. 2 of the Dangerous Drugs Act, 1952.

I carried out a similar procedure and analysis for packets marked exhibit P9, P10, P11 and P12 and came to the same conclusion as for the plant material in P8.

...

...

Even before I proceeded with my analysis I observed the plant material to be the same as those of cannabis from my visual examination.

...

....

Under cross-examination

All the random samples taken by me (altogether 80 - 16 from each packet) were weighed by me. The 80 random samples had a total weight of 116.8 grammes.

Questioned by Court

The random samples were from the bulk on which I had subjected 100% microscopic examination. Therefore the whole plant material i.e. the total of 790 grammes was cannabis.

Keterangan SP1 adalah jelas dan tidak boleh dinafikan bahawa tidak ada apa-apa kecacatan dengan keterangannya. Saya berpuashati bahawa beliau telah menjalankan semua ujian-ujian tertentu dan keterangannya boleh diterima dengan tiada ada apa-apa keraguan sekalipun bahawa daun-daun kering sebanyak 790 gm. dalam exhibit-exhibit P8 - P12 yang telah dirampas daripada tertuduh pada 3 September 1993 adalah cannabis seperti ditafsirkan dalam Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952.

Keterangan SP5, Zakiah bt. Mohd. Misbah, mendedahkan dengan begitu jelas bahawa exhibit-exhibit P8 - P12 adalah dalam pemilikan tertuduh. Anggapan tertuduh mengetahui kandungan exhibit-exhibit P8 - P12 adalah ganja terlalu ketara apabila Mahkamah mengkaji reaksi dan kelakuan tertuduh sejurus sebelum beliau dikehendaki membuka pakaiannya sampai habis oleh SP5.

Keterangan SP5 setakat ianya releven kepada perkara exhibit-exhibit P8 - P12 adalah dalam pemilikan tertuduh dan beliau mengetahui kandungannya adalah ganja, adalah seperti berikut:

> .... Selepas mereka turun dan masuk ke pondok polis Tuan Hj. Harun (SP4) mengarahkan saya dan Puan Norizah membawa seorang wanita masuk ke dalam bilik gerakan. Saya menyuruh perempuan itu duduk atas kerusi. Lepas itu saya memberitahu beliau saya dan Puan Norizah diarahkan oleh Tuan Hj. untuk memeriksa beliau dengan terperinci. Keadaan beliau gelisah dan pucat. Saya menyuruh dia membuka pakaian tetapi beliau enggan tetapi saya pujuk supaya membuka pakaian dia juga. Dia meminta izin pergi ke tandas sebab dia nak membuang air dan dia berbadan kotor dan datang haid tetapi saya tidak membenarkannya. Lepas itu dia membuka baju dan menarik kain ke atas menjadi kemban. Setelah dia membuka baju saya periksa bahagian coli dan tidak menjumpai apa-apa barang.
>
> Lepas itu saya menyuruh beliau turunkan kain. Bila dia menarik kain ke bawah saya nampak di bahagian perut dia plastik jernih berisi daun-daun kering. Kemudian saya telah menyuruh beliau mengeluarkan satu demi satu plastik berisi daun-daun kering. Dia memberi kepada saya dan saya meletakkannya di atas meja. Selepas itu saya menyuruh beliau membuka seluar dalam getah dan bengkung dan memberi kepada saya. 5 bungkusan plastik diserahkan kepada saya oleh wanita tersebut.
>
> Bungkusan itu tidak dibaluti dengan apa-apa semasa saya nampak bungkusan-bungkusan itu di bahagian perut dan hanya diletakkan pada seluar dalam getah dan bengkung getah.
>
> Bungkusan-bungkusan itu sebenarnya dibalut dengan bengkung dan beralas dengan seluar dalam.
>
> ...
>
> ...
>
> Semasa saya menyuruh tertuduh membuka kain dan seluar dalam sampai habis, tertuduh tidak datang haid.

Setelah pihak pendakwa menutup kesnya peguambela tertuduh tidak membuat apa-apa penghujahan tiada kes untuk dijawab oleh tertuduh. Mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwa telah mengemukakan keterangan yang cukup untuk membuktikan kesnya dan sekiranya keterangan tersebut tidak dipatahkan (unrebutted) ianya memerlukan tindakan pensabitan atas tertuduh. Oleh yang demikian saya telah memanggil tertuduh untuk membela dirinya.

Tertuduh memilih untuk memberi keterangan atas sumpah. Beliau juga memanggil seorang saksi yang ditawarkan oleh pihak pendakwa, iaitu, DW2 Mohd. Irwan Bunma bin Abdullah. Saksi ini dikenali sebagai Boon oleh tertuduh dalam keterangan pembelaannya.

Keterangan tertuduh tidak menafikan exhibit-exhibit P8 - P12 berada pada badannya diikat dengan bengkung dan dialaskan dengan seluar dalamnya semasa ia ditangkap. Namun demikian beliau telah cuba menyakinkan Mahkamah barang-barang tersebut (exhibit-exhibit P8 - P12) adalah barang kepunyaan Boon dan bahawa Boon telah menyuruh beliau mengambil barang-barang tersebut dari Padang Besar. Mengikut tertuduh lagi, beliau ingatkan barang-barang itu adalah akar kayu atau ubat. Dalam lain perkataan tertuduh telah mencuba juga menyakinkan Mahkamah bahawa beliau tidak mengetahui kandungan dalam exhibit-exhibit P8 - P12 adalah ganja.

Saksi tertuduh, DW2, menafikan exhibit-exhibit P8 - P12 adalah barang-barang kepunyaannya. DW2 juga menafikan beliau telah menyuruh tertuduh ke Padang Besar pada 3 September 1993 untuk membawa balik barang tersebut.

Selepas mengkaji dengan teliti keterangan tertuduh dan saksinya, DW2, saya berpendapat pembelaan tertuduh tidak mematahkan (rebut) kes pendakwaan ataupun menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah.

Tindakan tertuduh membawa exhibit-exhibit P8 - P12 secara menyembunyikan pada badannya bukanlah satu tindakan seorang yang munasabah atau seorang merasa tidak bersalah. Tindakan beliau hanya menguatkan anggapan bahawa beliau semestinya mengetahui barang tersebut adalah ganja. Tambahan pula, tindakan beliau adalah ternyata sekali perbuatan-perbuatan "Menyorok" (concealing) dan "Membawa" (carrying) dadah berbahaya yang bermaksud "Pengedaran dadah" mengikut tafsiran di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952. Ini bermakna pihak pendakwa tidak perlu bergantung semata-matanya kepada kewujudan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk membuktikan tertuduh terlibat dengan pengedaran dadah. Dengan itu analisa secara rembang pada hanya 116.8 grammes dari kandungan exhibit-exhibit P8 - P12 oleh ahli kimia, saksi SP1, tidak boleh jadi alasan untuk mematahkan kes pihak pendakwa ataupun menimbulkan keraguan samada tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Penghujahan peguambela tertuduh yang menggesa Mahkamah melepaskan tertuduh atas pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) dan mendapati tertuduh bersalah di bawah s. 39A berasaskan kepada kes *Leong Bon Huat v. PR* [1993] 2 AMR 37 p. 2132 tidak boleh diterima langsung.

Dengan tidak teragak-agak saya telah berpendapat bahawa tertuduh adalah bersalah atas pertuduhan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan seterusnya telah mensabitkan beliau. Hukuman mandatori di bawah s. 39B(2), iaitu, hukuman mati telah dijatuhkan atas tertuduh.